

# Sukan

KEJOHANAN PENCAK SILAT SEDUNIA

## Shakir dan Farhan juara dunia berganda

► ISMAIL ALI  
ismail@sph.com.sg

DUA pendekar utama, Muhammad Shakir Juanda dan Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, tidak menghamparkan harapan negara apabila muncul juara dunia dan membawa pulang pingat emas Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-17 di Bali pagi semalam.

Muhammad Shakir bangkit selepas ketinggalan dalam pusingan pertama dan kedua serta di peringkat awal pusingan ketiga untuk menjuarikan pesilat Indonesia Firdhana Wahyu Putra di akhir-akhir perlwanan dalam kategori I (85-90kg).

Sheik Farhan pula mengetepikan cabaran Mach Quoc Hung dari Vietnam dengan menguasai perlwanan dari awal hingga akhir untuk mencatat kemenangan lebih memberangsangkan dalam kategori J (90-95kg).

Dengan kemenangan itu, Sheik Farhan berjaya mempertahankan gelaran juara dunia yang dimenanginya ke atas lawan yang sama pada tahun lalu di Bangkok.

Bagi Muhammad Shakir, ini gelaran juara dunia kedua beliau selepas kali terakhir memenangi kejurnaan itu pada 2012.

"Saya berasa amat gembira dan bersyukur atas kejayaan mencapai impian memenangi semula gelaran juara dunia ini."

"Saya berasa sémuanya penat lelah dan kerja keras berlatih berhari-hari berbolak. Saya menghadapi banyak rintangan merebut semula kejurnaan dunia yang saya menangi pada 2012 akibat kecederaan pembedahan buku lali dan kekecewaan yang saya hadapi dalam Sukan SEA lalu," kata



Shakir mengenai kemenangannya.

Bagi Sheik Farhan, kejayaan mempertahankan kejurnaan dan kemenangan ke atas Mach membuktikan kemampuannya sebagai juara dunia.

"Meskipun saya berasa gembira atas kejayaan ini, perasaan yang saya alami kali ini berbeza. Tahun lalu, saya berasa seperti orang baru tetapi kemenangan kali ini bagi seorang yang semula jadi. Saya rasa kemenangan ini membuat saya lebih yakin dan membuat orang lain lebih perasan akan kemampuan saya."

"Saya berharap kemenangan ini akan memberi keyakinan dan semangat kepada pesilat lain akan kemampuan mereka juga," ujar Sheik Farhan.

Mengulas persembahan pesilatnya, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang turut bertindak selaku ketua jurulatih Team Singapura, berkata:

"Hari ini perasaan saya bercampur-baur, gembira, risau bercampur

ghairah. Apabila Farhan masuk ke gelanggang dan saya menyaksikan beliau menguasai perlwanan dari awal hingga akhir, saya berasa gembira.

"Namun, saya berasa risau sedikit apabila melihat Shakir dijatuhkan di awal pusingan pertama dan ketinggalan dalam pusingan kedua.

"Saya kemudian memberi arahan kepadaanya memberikan segala-galanya dalam pusingan ketiga dan beliau memberi respon dengan menjatuhkan lawannya sebanyak dua ka-

li untuk menang.

"Secara keseluruhan, saya berasa gembira dengan pencapaian ini walaupun saya menaruh harapan Muhammad Nur Alfian Juma'en akan menang. Saya juga kecewa Nurul Sulha Mohd Saiful tewas."

Pasukan pesilat Team Singapura meletakkan sasaran memenangi empat pingat emas dan gelaran juara dunia dalam kejohanan kali ini.

Namun, secara keseluruhan pendekar negara membawa pulang dua pingat emas, satu perak dan lapan



**KEBANGGAAN NEGARA:** (Gambar kiri) Muhammad Shakir Juanda tersenyum lebar mencapai impian merebut semula gelaran juara dunia selepas mengalahkan pesilat Indonesia Firdhana Wahyu Putra. (Gambar atas) CEO Persisi Sheik Alau'ddin Yacoob Marican memeluk erat anaknya, Sheik Farhan, yang mempertahankan gelaran juara dunianya dengan mengalahkan Mach Quoc Hung dari Vietnam dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-17 di Bali, Indonesia, semalam. — Foto-foto PERSISI

gangsa. Mereka dijadualkan pulang malam ini.

Keputusan penuh:

Pingat emas: Muhammad Shakir Juanda; Sheik Farhan Sheik Alau'ddin (tanding).

Pingat perak: Muhammad Iqbal Abdul Rahman (seni tunggal).

Pingat gangsa: Muhammad Ridwan Selamat; Abdul Raaziq Abdul Rashid; Muhammad Nur Alfian Juma'en; Nur Hanishah Shahrudin; Nurul Suhaila Mohd Saiful (tanding). Muhammad Haziq Zainal Abidin, Nujaid Hasif Zainal Abidin (seni ganda); Muhammad Haziq Zainal Abidin, Nujaid Hasif Zainal Abidin, Hamillatu Arash Juffrie (seni regu); Nur Azlyana Ismail, Nurzuhairah Mohd Yazid, Nurul Syafiqah Mohd Faizul (seni regu).